

Gaji median baru bagi graduan naik kepada \$3,200

90% lulusan universiti dapat kerja dalam masa enam bulan lepas raih ijazah

SEDANG pemerintah membuka laluan baru bagi menggalak lepasan sekolah meningkatkan diri menerusi skim kerja sambil belajar, tinjauan pekerjaan terbaru bagi lulusan universiti menunjukkan segulung ijazah berbaloi dari segi pekerjaan dan gaji.

Dapatan tinjauan itu, yang diumumkan semalam, menunjukkan gaji median lulusan yang tamat pengajian tahun lalu naik ke paras tinggi baru iaitu \$3,200, berbanding \$3,050 bagi lulusan 2013.

Kadar pengambilan kerja kekal pada paras tinggi yang sama, dengan sembilan dalam 10 lulusan mendapat pekerjaan dalam masa enam bulan selepas tamat pengajian ijazah mereka tahun lalu.

Sejumlah 10,126 daripada 13,656 lulusan Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) mengambil bahagian dalam tinjauan bersama itu.

Dapatan tinjauan itu menunjukkan sehingga 1 November lalu, kadar pengambilan kerja keseluruhan dalam kalangan lulusan universiti itu ialah 89.1 peratus.

Sekitar 82.7 peratus daripada mereka mendapat pekerjaan tetap sepenuh masa dalam tempoh enam bulan selepas tamat peperiksaan tahun akhir mereka.

Kedua perangkaan itu serupa pada kadar 2013.

Tinjauan itu juga menunjukkan bahawa gaji bulanan kasar purata di kalangan lulusan baru yang mempunyai pekerjaan tetap sepenuh masa sebanyak \$3,333 berbanding \$3,229 pada 2013.

Ketiga-tiga universiti itu juga menjalankan tinjauan berasingan melibatkan 638 lulusan kursus seni bina, sains bioperubatan (perubatan Cina tradisional), undang-undang, perubatan dan farmasi, yang perlu menjalani latihan praktikal setahun atau lebih sebelum mula bekerja.

Kebanyakan mereka tamat pengajian dua tahun lalu.

Kadar pengambilan pekerjaan keseluruhan bagi kumpulan lulusan itu ialah 98.9 peratus, dengan sekitar 97.7 peratus mempunyai pekerjaan tetap sepenuh masa.

Kedua perangkaan itu serupa dengan yang dicapai lulusan pada 2013.

Gaji bulanan kasar median dalam kalangan kumpulan lulusan tersebut yang mendapat pekerjaan sepenuh masa tetap, ialah \$4,800 berbanding \$4,500 pada 2013.

Gaji bulanan kasar purata dalam kalangan kumpulan itu yang mempunyai pekerjaan tetap sepenuh masa ialah \$4,751 berbanding \$4,575 pada 2013.